

**PANDEMIK COVID 19 : TEKANAN KEWANGAN, LITERASI KEWANGAN
MENJADI PENENTU KESEJAHTERAAN KEWANGAN DI KALANGAN
KOMUNITI DURIAN TUNGGAL**

Suzana Ab Rahman¹, Abdul Mutalib Mohamed Azim² & Shafinar Ismail³

¹Pelajar Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

² Pensyarah Kanan Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka

³ Professor Fakulti Pengurusan Perniagaan, University Institute Teknologi MARA, Cawangan
Kampur Bandaraya Melaka

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan tekanan kewangan dan literasi kewangan ke atas kesejahteraan kewangan dalam kalangan komuniti Dun Durian Tunggal.Melaka. Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah tekanan kewangan dan literasi kewangan, manakala pembolehubah bersandar ialah kesejahteraan kewangan dalam kalangan komuniti Durian Tunggal. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Kajian ini juga melibatkan penggunaan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22 yang merangkumi analisis korelasi bagi menganalisis data yang diperolehi bagi kajian ini. Hasil akhir kajian ini menunjukkan bahawa tekanan kewangan dan literasi kewangan juga boleh memberikan hubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan kewangan. Oleh demikian, daripada hasil kajian ini, masyarakat dapat melihat kepentingan ilmu literasi kewangan dan elemen tekanan kewangan yang mempengaruhi dalam pengurusan kewangan dan kesejahteraan kewangan individu.

Kata kunci: *Literasi Kewangan, Tekanan Kewangan, Kesejahteraan Kewangan, Cabaran Kewangan Pandemik Covid 19, Komuniti, Masyarakat.*

PANDEMIC COVID 19 : DETERMINANT OF FINANCIAL STRESS AND FINANCIAL LITERACY TOWARDS FINANCIAL WELL-BEING AMONG DURIAN TUNGGAL COMMUNITY.

This study aims to identify the relationship between financial stress and financial literacy on financial well-being among the community of Dun Durian Tunggal, Melaka. The independent variables in this study were financial stress and financial literacy, while the dependent variables were financial well-being among the Durian Tunggal community. In this study, the researcher uses quantitative methods that is by distributing questionnaires to respondents. This study also involves the use of IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22 software which includes correlation analysis to analyze the data obtained for this study. The end result of this study shows that financial stress and financial literacy can also provide a significant relationship to financial well-being. Thus, from the results of this study, society can see the importance of financial literacy knowledge and the elements of financial stress that influence in the financial management and financial well-being of individuals. Future research can use analytical methods using Smart PLS.

Keywords: *Financial Literacy, Financial Stress, Financial Wellbeing, Covid 19 Pandemic Financial Challenges, Community, Society.*

PENGENALAN

Kesejahteraan kewangan merangkumi elemen kecukupan dan keselamatan kewangan seseorang individu atau keluarga dalam melindungi risiko ekonomi seperti pengangguran, penyakit kronik, mufliis, kemiskinan dan masalah kewangan lepas bersara. Ini juga diterjemahkan kepada sikap individu terhadap pengurusan wang di kalangan isi rumah untuk mengukur kesejahteraan kewangan dan kesejahteraan ekonomi masyarakat setempat (Fan & Babiarz, 2019).

Melalui keadaan semasa hari ini, Malaysia dan Seluruh dunia telah mendepani cabaran pandemik Covid 19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia secara umum dan khususnya di Negeri Melaka yang telah memberi impak besar kepada semua lapisan golongan, justeru, antara golongan berpendapatan rendah yang dirujuk sebagai B40 merupakan kumpulan yang terkesan teruk dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Golongan daripada kumpulan B40 sudah terbeban dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan telah menambahkan lagi kegelisahan mereka akan isu-isu ekonomi seperti jaminan pekerjaan dan pembangunan pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, kadar pengangguran dijangkakan akan meningkat selepas COVID-19 akibat daripada ketidakpastian ekonomi (Rashid, 2020). Justru kajian ini mengenalpasti faktor – faktor utama yang akan memberi hubungan secara langsung kepada tahap kesejahteraan kewangan dikalangan masyarakat.

Menurut Abdul Rahman (2020) isu semasa pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah Malaysia dan ia merupakan krisis kesihatan yang mengancam kelangsungan dan kesejahteraan hidup masyarakat. Isu ini bukan sahaja menjejaskan ekonomi negara malah menjejaskan setiap individu dan perniagaan. Bagi golongan pekerja berlaku pengurangan pendapatan dalam tempoh Pengawasan Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Bagi perniagaan pula cabaran utama adalah pembayaran gaji pekerja disamping itu perniagaan juga berlaku pengurangan pelanggan, perlu membayar sewa premis dan berlakunya masalah aliran tunai. Tambahan daripada itu juga, menurut Sabri, Abdullah, Moga Dass dan Jusoh (2018) mendapati kurangnya pengetahuan mengenai aspek kewangan menyebabkan segelintir masyarakat berhadapan dengan masalah dan akhirnya menyumbang kepada kemerosotan kesejahteraan kewangan. Justru itu, kajian ini fokusnya untuk mengenalpasti hubungan diantara literasi kewangan dan tekanan kewangan terhadap kesejahteraan kewangan ketika negara sedang dilanda pandemik Covid 19.

SOROTAN LITERATUR

Kesejahteraan Kewangan

Menurut Mahdzan et al., (2019) kesejahteraan kewangan merangkumi bukan sahaja perasaan puas terhadap keadaan kewangan seseorang sekarang, tetapi juga menggabungkan pandangan seseorang terhadap keadaan kewangan masa depan mereka. Dalam hal ini, konsep kesejahteraan kewangan sebagai ukuran subjektif semasa dan masa depan seseorang, dan konsep tersebut sebagai persepsi untuk dapat mengekalkan taraf hidup dan kebebasan kewangan yang diinginkan sekarang dan yang diharapkan.

Tekanan Kewangan

Menurut Mahdzan et al., (2019) tekanan kewangan mempunyai kaitan kejutan kewangan atau perubahan besar dalam kehidupan seseorang yang akan mempengaruhi kesejahteraan kewangan berbeza dengan konsep masalah kewangan yang bertentangan dengan kesejahteraan kewangan. Berdasarkan jurnal ini dapat dibincangkan tekanan kewangan adalah disebabkan perubahan sesuatu keadaan dimana ianya tidak di jangka seperti isu pandemik Covid19 yang tidak dapat diramal oleh sesiapa sahaja berbanding masalah kewangan ianya disebabkan keadaan semasa yang menekankan seseorang individu tersebut dari segi mental dan fizikal.

Kesejahteraan kewangan dengan meningkatkan taraf dan kualiti hidup bagi setiap individu atau isi rumah adalah sangat penting dalam situasi sekarang. Sehubungan itu, tingkah laku kewangan seperti kesukaran, masalah kewangan dan tekanan kewangan mempunyai hubungan dengan kesejahteraan kewangan (Mohamad et al., 2020). Berdasarkan jurnal ini membincangkan tentang kos sara hidup seseorang individu sama ada tinggi atau rendah yang berkadar dengan pendapatan bulanan ianya akan menentukan taraf dan kualiti hidup seseorang itu terhadap kesejahteraan kewangan sama ada baik atau pun tidak.

Menurut Mohamad et al., (2020) masalah atau pengalaman kewangan seperti peningkatan beban hutang, muflis, tidak mempunyai simpanan yang mencukupi boleh meningkatkan tekanan kewangan dan menjejaskan kesejahteraan kewangan seseorang individu. Berdasarkan jurnal ini membincangkan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh seseorang itu akan menjadi pengalaman kepada mereka dan akan menyebabkan kesan kepada kesejahteraan kewangan individu tersebut.

H₀₁: Tidak terdapat hubungan signifikan diantara tekanan kewangan dengan kesejahteraan kewangan.

H_{a1}: Terdapat hubungan signifikan diantara tekanan kewangan dengan kesejahteraan kewangan

Literasi Kewangan

Menurut Kamakia et al., (2017) literasi kewangan dapat mempengaruhi kesejahteraan kewangan individu dan menjauhkan diri dari masalah kewangan. Berdasarkan jurnal ini membincangkan tentang setiap individu yang mempunyai tahap literasi yang tinggi akan memberikan kesan positif dan dapat terhindar dari masalah kesejahteraan kewangan kerana mereka mempunyai pengetahuan tentang kewangan.


Kesan literasi kewangan terhadap pilihan portfolio isi rumah dan pulangan pelaburan, petunjuk kesejahteraan kewangan (Chu et al., 2017). Berdasarkan jurnal ini membincangkan tentang individu yang mempunyai latar belakang kewangan akan mendapat kesan atau keputusan yang positif kerana mempunyai pengetahuan tentang kewangan yang lebih mendalam dan akan menghasilkan kesejahteraan kewangan yang baik.

Menurut Kamakia et al., (2017) literasi kewangan sebagai pemagkin untuk meningkatkan tahap kesejahteraan kewangan. Berdasarkan jurnal ini menunjukkan seseorang yang mempunyai pengetahuan tentang kewangan yang menyeluruh memberikan impak yang positif kepada kesejahteraan kewangan individu tersebut. Ini kerana jika individu mempunyai pengetahuan kewangan, ianya dapat memberikan individu tersebut menguruskan kewangan mereka dengan baik dan sempurna seterusnya meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.

H₀₂: Tidak terdapat hubungan signifikan diantara literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan.

H_{a2}: Terdapat hubungan signifikan diantara literasi kewangan dengan kesejahteraan kewangan

Melalui tinjauan literatur, kajian ini membina satu kerangka kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kajian Kesejahteraan Kewangan di Kalangan Komuniti

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu data primer dan sekunder. Data primer merupakan data kuantitatif daripada hasil pengedaran borang soal selidik kepada responden secara terus dan setiap soalan yang dijawab oleh individu akan di analisis. Data sekunder pula adalah daripada hasil maklumat jurnal, buku dan informasi dari internet. Penyelidikan ini juga berbentuk korelasi iaitu melihat hubungan yang mempengaruhi penentu kesejahteraan kewangan dikalangan masyarakat di Daerah Durian Tunggal.

Jadual 1: Senarai Lokaliti di Daerah Durian Tunggal

Lokaliti	Jumlah Penduduk
Kampung Belimbing Dalam	4,256
Kampung Padang Keladi	2,386
Kampung Gangsa	4,323
Kampung Parit Melana	1,089
Kampung Pantai Belimbing	1,093
Jumlah	13,147

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Ia juga merupakan objek atau peristiwa yang dikaji. Perkataan populasi adalah merujuk kepada himpunan keseluruhan subjek kajian yang tidak terhad kepada kumpulan manusia sahaja tetapi merangkumi apa sahaja kumpulan subjek yang menjadi tumpuan kajian. Populasi yang diambil untuk menjalankan kajian ini adalah seramai 13,147 orang masyarakat di Daerah Durian Tunggal (sumber Japerun Durian Tunggal). Populasi didefinisikan sebagai jumlah semua orang yang mendiami sesuatu tempat, penduduk, atau kumpulan individu yang terdapat di suatu kawasan tertentu.

Jadual 2: Instrumen kajian

Pembolehkan	Item	Sumber
Kesejahteraan Kewangan	1. Saya bebas berbelanja setiap masa 2. Saya pasti saya mempunyai simpanan kewangan di hari tua. 3. Gaji saya sering habis sehingga pertengahan bulan. 4. Saya sering menghadapi masalah membayar bil bulanan (elektrik, telefon, ansuran, kad kredit) 5. Saya yakin saya tidak mahir dalam mengawal kewangan peribadi saya 6. Saya sukar menyediakan wang kecemasan dengan kos RM1,000 7. Saya sering risau tentang status kewangan saya pada setiap masa.	(Chan et al., 2018)

Perilaku Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Saya menyimpan wang untuk simpanan 2. Saya mempunyai anggaran simpanan mingguan atau bulanan yang saya ikuti 3. Saya harus mengurangkan perbelanjaan hidup saya 4. Saya membelanjakan lebih banyak wang daripada yang saya miliki 	(Mahdzan et al., 2019)
Tekanan Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan kewangan saya secara keseluruhan sangat merisaukan 2. Jumlah perbelanjaan lebih banyak daripada pendapatan saya 3. Keupayaan saya untuk memenuhi perbelanjaan sara hidup bulanan 	(Mahdzan et al., 2019)
Literasi Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Saya mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang tinggi 2. Saya sentiasa peka terhadap perubahan kadar faedah pembiayaan atau pelaburan 3. Saya sentiasa peka dengan risiko kewangan 	(Chu et al., 2017)

DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, analisis korelasi pearson digunakan bagi mengenalpasti hubungan diantara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar di mana motivasi, tekanan dan persekitaran kerja boleh mempengaruhi hubungan kepuasan kerja.

Jadual 3: Analisis Korelasi

Pemboleh ubah	Tekanan Kewangan	Literasi Kewangan
Kesejahteraan Kewangan	.737**	.425**

Hubungan antara Kesejahteraan Kewangan dengan Literasi Kewangan

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan hasil keputusan analisis korelasi di antara pembolehubah kesejahteraan kewangan dan perilaku kewangan. Nilai yang diperolehi dari dua pembolehubah ini ialah 0.000. Nilai ini boleh dikategorikan lebih rendah daripada aras signifikan iaitu 0.01, maka dengan ini hipotesis Ho2 telah ditolak dan Ha2 diterima kerana adanya hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah. Perkaitan antara kesejahteraan kewangan dengan literasi kewangan yang diperolehi dengan nilai korelasi 0.425 adalah perkaitan yang sederhana. Kajian ini boleh dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Husna et al., (2018) bahawa literasi kewangan juga boleh memberikan hubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan kewangan.

Hubungan antara Kesejahteraan Kewangan dengan Tekanan Kewangan

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan hasil keputusan analisis korelasi di antara pembolehubah kesejahteraan kewangan dan tekanan kewangan. Nilai yang diperolehi dari dua pembolehubah ini ialah 0.000. Nilai ini boleh dikategorikan lebih rendah daripada aras signifikan iaitu 0.01, maka dengan ini hipotesis Ho1 telah ditolak dan Ha1 diterima kerana adanya hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah. Perkaitan antara kesejahteraan kewangan dengan tekanan kewangan yang diperolehi dengan nilai korelasi 0.737 adalah perkaitan yang kuat. Kajian ini boleh dibuktikan dengan

kajian yang telah dijalankan oleh Mahdzan et al., (2019) bahawa tekanan kewangan juga boleh memberikan hubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan kewangan.

PERBINCANGAN

Dalam sebahagian kajian, tekanan kewangan juga merupakan hubungan yang saling berkaitan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan masyarakat Durian Tunggal. Tekanan kewangan juga adalah situasi yang mesra alam di mana ianya diperlukan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang. Sebahagian tekanan kewangan akan mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan kewangan seseorang apabila ianya berasa tekanan yang hebat terhadap kehidupan seharian mereka. Justeru, masyarakat perlu memahami kesejahteraan kewangan mereka dan memberikan mereka menjalani kehidupan seharian dengan lancar tanpa masalah kewangan yang timbul. Dalam pada itu, setiap masyarakat perlu membuat simpanan kewangan mereka supaya jika berlaku masalah kecemasan, duit yang disimpan boleh digunakan seterusnya dapat mengelakkan dari masalah tekanan kewangan. Selain itu, setiap masyarakat perlu mempunyai literasi kewangan dengan memperbanyakkan pembacaan mengenai kewangan dalam keadaan situasi semasa dan tahap ekonomi semasa supaya mereka dapat menguruskan kewangan dengan terurus dan baik. Selain itu, masyarakat perlu memberikan perhatian penting terhadap perilaku kewangan dengan menitik beratkan kemampuan kewangan setiap individu supaya dapat berbelanja mengikut kemampuan diri tanpa terbeban dengan hutang di masa akan datang. Disamping itu, dengan menggunakan literasi kewangan, setiap individu dapat membuat plan jangka masa panjang dengan menyimpan duit mereka kepada pelaburan yang mendatangkan pulangan keuntungan seterusnya dapat meningkatkan simpanan mereka. Oleh demikian, daripada hasil kajian ini, masyarakat dapat melihat kepentingan literasi kewangan adalah penting dalam meningkatkan kesejahteraan kewangan.

RUJUKAN

- Abdull Rahman, D. R. H. (2020). Kesan COVID-19 ke atas pekerja dan majikan | Astro Awani. In Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesan-9-ke-atas-pekerja-dan-majikan-238383>
- Fan, L., & Babiarz, P. (2019). *The Determinants of Subjective Financial Satisfaction and the Moderating Roles of Gender and Marital Status*. 47(3). <https://doi.org/10.1111/fcsr.12297>
- Sabri, M. F., Abdullah, N., Moga Dass, T., & Jusoh, O. (2018). Tingkah Laku Pengurusan Kewangan, Masalah Kewangan, Kesejahteraan Hidup Dan Program Sokongan Pengguna Di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 30, 103–121. <http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2018/11/Artikel-6-JPM-jilid-30-Jun-2018.pdf>
- Abdull Rahman, D. R. H. (2020). Kesan COVID-19 ke atas pekerja dan majikan | Astro Awani. In Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesan-covid-19-ke-atas-pekerja-dan-majikan-238383>
- Ahmad Munawar Ismail; Zakaria Stapa; Mohd Yusof Othman; Mashitoh Yaacob. (2012). ISLAM DALAM PENDIDIKAN DAN HUBUNGANNYA (Islam in Education and Its Relation to the Formation of Malay Ethnic Identity in Malaysia). *Jurnal Hadhari Special Edition*, 37–50.
- Chan, S. W., Omar, S. S., & Yong, W. L. (2018). Financial well-being among Malaysian manufacturing employees. *Management Science Letters*, 8(6), 691–698. <https://doi.org/10.5267/j.msl.2018.4.020>
- Chu, Z., Wang, Z., Xiao, J. J., & Zhang, W. (2017). Financial Literacy, Portfolio Choice and Financial Well-Being. *Social Indicators Research*, 132(2), 799–820. <https://doi.org/10.1007/s11205-016-1309-2>
- Dan, P. (2020). PEMBANGUNAN PLAN Malaysia. April.
- Husna, N., Mahmud, A., & Rahman, S. A. (2018). Kesejahteraan Kewangan di Kalangan Pengusaha Pantai Pengkalan Balak, *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3, 24–30.
- Hussin, N. L., & Rosli, L. S. (2019). Financial Literacy Among Students At Kuim. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 102–110.
- Kamakia, M. G., Mwangi, C. I., & Mwangi, M. (2017). Financial Literacy and Financial Wellbeing of Public Sector Employees: A Critical Literature Review. *European Scientific Journal*, ESJ, 13(16), 233. <https://doi.org/10.19044/esj.2017.v13n16p233>
- Mahdzan, N. S., Zainudin, R., Sukor, M. E. A., Zainir, F., & Wan Ahmad, W. M. (2019). Determinants of Subjective Financial Well-Being Across Three Different Household Income Groups in Malaysia. *Social Indicators Research*, 146(3), 699–726. <https://doi.org/10.1007/s11205-019-02138-4>
- Masruri, A., Kuntoro, S. A., & Arikunto, S. (2016). Pengembangan Kompetensi Dan Pendidikan Berkelanjutan Pustakawan Ptain: Studi Kasus Di Perpustakaan Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi Dan Aplikasi*, 4(1), 1. <https://doi.org/10.21831/jppfa.v4i1.9818>

- Mohamad, Z., Aun, N. S. M., & Saim, N. J. (2020). Kebajikan Produktif: Tahap dan Hubungan Kesejahteraan, Tingkah laku dan Pengalaman Kewangan Dalam Kalangan Peserta Azam Tani FAMA. *Psikologi Malaysia*, 34(2), 13–27.
- Nor Azman, M. (2017). Kesejahteraan Kewangan Generasi Muda : Satu Kerangka Konseptual. Seminar on Transdisiplin Education (STEd2017). 16-17 Januari, Fakulti Pendidikan, UKM, 206–217. <https://sted2017.files.wordpress.com/2016/12/1-25-nor-azman-mohamed.pdf>
- R, Z., Abd Hair Awang, & Sarmila M.S. (2014). Faktor-Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Di Malaysia. 9(1), 804–812.
- Rashid, F. (2020). COVID-19: Refleksi Ketidaksamarataan Pekerjaan dan Pendidikan Isi Rumah B40. In *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-refleksi-ketidaksamarataan-pekerjaan-dan-pendidikan-isi-rumah-b40-237417>
- Strömbäck, C., Lind, T., Skagerlund, K., Västfjäll, D., & Tinghög, G. (2017). Does self-control predict financial behavior and financial well-being? *Journal of Behavioral and Experimental Finance*, 14, 30–38. <https://doi.org/10.1016/j.jbef.2017.04.002>
- Taft, M. K., Hosein, Z. Z., & Mehrizi, S. M. T. (2013). The Relation between Financial Literacy, Financial Wellbeing and Financial Concerns. *International Journal of Business and Management*, 8(11). <https://doi.org/10.5539/ijbm.v8n11p63>
- Zaini, N. (2015). Kesejahteraan Kewangan Dan Penggunaan Lestari Dalam Kalangan Pengguna Di Semenanjung Malaysia. In *Universiti Putra Malaysia (Vol. 1, Issue 4, p. 56)*. <https://doi.org/10.1145/3132847.3132886>